

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 JULY 2017

Semua tuduhan Dr. Mahathir akan kembali kepada beliau, pembangkang

UM - 24/7/2017 Pg. 8

KEPALA BATAS 23 Julai - Segala isu yang dibangkitkan Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk menyerang kerajaan ketika ini akan 'berbalik' kepada beliau sewaktu menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun.

Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin berkata, isu itu termasuk kritikan Lim Kit Siang kepada badan kehakiman negara pada 1988, skandal Forex serta isu-isu ekonomi yang pernah menekan negara.

Katanya, sekiranya sejarah mengenai kesemua perkara itu 'dibuka' semula, kenyataan berjela-jela Pengerusi DAP yang pernah mempersoalkan Dr. Mahathir akan dapat dilihat sekali gus meresahkan pemimpin-pemimpin pembangkang.

"Kit Siang ketika dipanggil pasukan penyiasat kes skandal Forex baru-baru ini telah menyebut pihak yang bertanggungjawab dalam isu berkenaan ialah Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri ketika itu iaitu Dr. Mahathir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Sedangkan kedua-dua individu berkenaan kini merupakan pemimpin utama pembangkang ketika ini, jadi sudah pasti mendatangkan rasa tidak selesa kepada mereka," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Kepala Batas di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua UMNO Bahagian Kepala Batas yang juga Timbalan Menteri Luar, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican dan bekas Ketua Bahagian, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Mengulas lanjut, Khairy yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, pertikaian mengenai isu-isu yang pernah menyebabkan Dr. Mahathir dan Kit Siang bermusuhan itu akan menimbulkan persoalan dalam kalangan rakyat bagaimana kedua-dua pemimpin berkenaan kini boleh menjadi sekutu politik.

Sehubungan itu, ujar beliau, perkembangan berkenaan hanya menunjukkan bahawa pakatan pembangkang ketika ini hanya bersatu untuk mendapat kuasa semata-mata.

Sementara itu, berhubung tindakan DAP yang akan mengadakan semula pemilihan Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) dalam keadaan protes, Khairy berkata, parti itu perlu berhenti menjadikan arahan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) sebagai 'mangsa' untuk menyalahkan pihak lain dan meraih simpati.